

Aplikasi ilmu dengan mengubah suai kereta sendiri

Haniff berkata, untuk pertandingan kali ini penekanan kepada enjin Campro dan lebih pengendalian secara automatik. Bukan mudah untuk mendalami teknologi baru, tetapi tidak ada yang sukar jika tidak menggapainya.

Pengalaman ditambah dengan pengetahuan harus ada dalam mengaplikasikan teknik yang ada. Semangat yang tidak pernah mengenal erti putus asa membuatkan Haniff berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan menjadi miliknya seterusnya mengharumkan nama negara.

"Minat dan suka mencuba sesuatu yang baru menyebabkan saya banyak aplikasi pada kereta sendiri. Ilmu yang diperoleh di Kolej Otomotif, Petaling Jaya, kereta lama pemberian abang ibarat bahan eksperimen. Hari ini saya bangga dengan hasilnya. Bahan untuk mengubah suai kereta saya beli secara berasingan dan kemudian dipasang sendiri. Inilah kepuasan yang paling menyeronokkan. Hasil yang nampak dan mengubah sesuatu yang

lama kepada baru atas daya usaha sendiri," katanya.

Minat mendalam kepada bahagian sistem elektrik yang wujud tetapi tidak nampak adalah cabaran yang perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Berpuas hati kerana dapat membaiki sendiri kereta serta mengaplikasikan sepenuhnya apa yang dipelajari adalah sesuatu yang terbaik. Persediaan berterusan membuatkan Haniff tidak berasa gentar dengan pertandingan kali ini.

Sokongan penuh dari keluarga banyak membantu kejayaan Haniff dalam meneruskan apa yang diminati. Apa yang diharapkan untuk pertandingan kemahiran ini sekarang-kurangnya pingat emas dapat diperolehi.

Diajukan soalan tentang negara yang menjadi saingan utama, Haniff menjelaskan, sudah tentu Thailand dan Indonesia menjadi antara negara pilihan. Semangat berjuang yang berterusan ditunjukkan Haniff bukti bahawa dia bersedia untuk menghadapi pertandingan tersebut.



KEMENANGAN... Pertandingan Kemahiran Malaysia 2007 yang membolehkan Haniff mewakili Malaysia ke peringkat ASEAN.